

12/08/2003

Agih kerusi pilihan raya, pemimpin akur nasihat PM

KUALA LUMPUR: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyambut baik nasihat Perdana Menteri supaya akur dengan keputusan berhubung pengagihan kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Malah mereka menganggap amat penting untuk semua parti komponen BN menunjukkan semangat perpaduan paling tinggi bagi menjamin kemenangan besar BN, apa lagi ketika negara dalam proses peralihan kuasa.

Ini sebagai `hadiah' kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini dan tanda sokongan padu kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata semua pemimpin parti komponen harus patuh dengan nasihat Pengerusi BN itu kerana pada lazimnya semangat sebeginilah yang menjamin kemenangan BN dalam setiap pilihan raya.

Sejarah katanya, telah membuktikan perpaduan, kerjasama erat dan semangat kekitaan menjadi punca BN berjaya dalam pilihan raya lalu.

"Sudah menjadi kelaziman dalam BN, perundingan akan diadakan dengan semua pemimpin parti komponen, sebelum pengagihan kerusi diputuskan.

"Biasanya, jika ada tambahan kerusi berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, semua parti komponen akan meminta peruntukan kerusi mereka ditambah.

"Tapi akhirnya kita kena terima keputusan pucuk pimpinan BN. Jangan sekali-kali kita berpecah atau menikam dari belakang, selepas keputusan muktamad dibuat," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir supaya semua parti komponen tidak mempersoalkan sebarang keputusan berhubung pengagihan kerusi di kalangan mereka bagi menghadapi pilihan raya umum nanti.

Pengerusi BN itu berkata, parti komponen tidak harus bergaduh sesama sendiri apabila keputusan pengagihan kerusi dibuat, sebaliknya mereka perlu berkorban sedikit demi kemenangan parti.

"Setelah calon itu dipilih, anggapkan ia calon BN tanpa mengira kaum mana kerana dia adalah calon BN," kata Dr Mahathir.

Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Seri Kerk Choo Ting, berkata menghormati apa juga keputusan berhubung pengagihan kerusi adalah amalan biasa dalam BN dan ia menjadi nadi kekuatan BN selama ini.

Justeru katanya, Gerakan berikrar akan meneruskan tradisi itu dan akan akur dengan keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan BN berhubung soal pengagihan kerusi.

"Sebelum keputusan dibuat setiap parti komponen akan diajak berunding dan itulah amalan BN. Tidak ada sebab untuk mana-mana parti komponen membantah apa juga keputusan yang sudah dibuat berdasarkan kompromi.

"Kita (Gerakan) pastinya akan meminta tambahan kerusi seperti juga parti lain. Tapi kita akan akur dengan keputusan yang dibuat oleh Pengerusi BN," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas berkata, parti itu sudah mengemukakan permintaan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada pucuk pimpinan tertinggi BN untuk pertimbangan selanjutnya.

"Memadai jika saya katakan bahawa PPP meminta kerusi Parlimen dan DUN di lapan negeri, termasuk Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Bagaimanapun, ini hanya permintaan kami dan semuanya terpulung kepada

pucuk pimpinan tertinggi BN untuk menentukan berapa banyak kerusi diperuntukkan kepada parti ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau juga enggan mendedahkan berapa banyak kerusi yang diminta PPP dengan hanya sekadar menegaskan bahawa parti itu amat berharap dapat bertanding bagi tiga kerusi Parlimen di Perak yang pernah diperuntukkan kepada PPP ketika pilihan raya umum 1986.